

Kunjungan Penandaarasan Galeri Seni Sekolah Kebangsaan Pekan Satu oleh Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual Sekolah-Sekolah di W.P Labuan



Labuan, 26 September 2019- Secara umumnya, Sekolah Kebangsaan Pekan Satu, Wilayah Persekutuan Labuan, sekali lagi mencatatkan tarikh bersejarah rentetan daripada Kunjungan Penandaarasan ke Galeri Seni Sekolah Kebangsaan Pekan Satu yang melibatkan semua Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual bagi Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan. Tidak dinafikan bahawa, matlamat dan tujuan utama kunjungan penandaarasan ini dilaksanakan adalah untuk memberi aspirasi serta pendedahan ilmu pengetahuan bagi memantapkan galeri seni di sekolah masing-masing. Senonim dengan kbeitaraan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual serta perasmian *The Re-Born Of SKPS Art Gallery* oleh Tuan Raisin bin Saidin

selaku Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pada bulan Julai lalu, maka Sekolah Kebangsaan Satu telah dinobatkan sebagai sebuah sekolah yang menjadi aspirasi dan mentor kepada semua sekolah sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah dalam bidang Pendidikan Seni Visual di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan.

Secara keseluruhannya, program ini bermula pada jam 2.30 petang dengan Bilik Penataran SKPS kata alu-aluan didahului oleh Guru Besar SK Pekan Satu, iaitu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, disusuli oleh ucapan daripada Puan Murni binti Jaafar selaku ketua rombongan lawatan penandaarasan. Tidak ketinggalan turut hadir dalam program ini ialah Tuan Hj Yusuf bin Hj Yunus, Ketua Unit Sekolah Rendah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan merangkap pegawai angkat SKPS. Dalam ucapan Tuan Haji Yusuf, galakan serta dorongan diberikan kepada semua yang hadir agar menjadikan Pendidikan Seni Visual sebagai medan yang mampu menarik para pelancong dalam dan luar untuk berkunjung ke Wilayah Persekutuan Labuan. *Di mana ada kemahuhan di situ ada jalan* begitulah ucapan Tuan Haji menyuntik semangat kepada guru-guru yang hadir malah Tuan Haji juga berkata bahawa seni adalah sesuatu yang abstrak tetapi mempunyai kualiti karya yang sangat agung.



Sesi apresiasi seni para Ketua-ketua Panitia Pendidikan Seni Visual di Galeri Seni Sekolah Pekan Satu, WP Labuan

Lanjutan daripada itu, sesi menelusuri lakaran mural pada dinding sekolah dan melawat Galeri Seni SK Pekan Satu telah sempurna dilaksanakan dengan jayanya. Melalui program seperti ini, semangat setiakawan, toleransi, kerjasama, serta sifat inkuiri dalam kalangan Ketua Panitia telah berjaya dipupuk dan di realisasikan. Secara tidak langsung, Ketua-ketua Panitia turut dapat menghayati kepentingan apresiasi seni dalam matlamat meningkatkan lagi keunggulan sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan. Diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar insan guru yang cemerlang dalam semua aspek dapat dibentuk dan digilap. Selain itu, dengan adanya program seumpama ini mencetuskan percambahan mindah dan perkongsian ilmu dan dapat mencetuskan landasan berfikir yang lebih inovatif.



Barisan guru-guru Pendidikan Seni Visual Perdana dan PPKI menyambut dan mengalu-alukan kehadiran para Ketua-ketua Panitia WP Labuan

Aktif Negaraku: Pasukan Muhibbah Labuan Muncul Naib Johan Dalam Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik KPM-Milo Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 Tahun 2019



Kuala Lumpur, 2 Okt -ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia membawa kembali Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik Peringkat Kebangsaan untuk kali Ke-2 yang berlangsung selama dua hari iaitu 20 hingga 22 September 2019 bertempat di KL Gateway Mall, Kuala Lumpur.

Pertandingan ini adalah bertujuan memberi pengiktirafan kepada pasukan senam aerobik terbaik di negara ini dan ia merupakan kerjasama strategik di bawah inisiatif 1Murid 1Sukan yang melibatkan guru dan murid. Pertandingan ini disertai oleh 16 pasukan dalam kategori Muhibbah dan 10 pasukan terbaik berentap dalam kategori sekolah. Bagi kategori Muhibbah, gabungan SJK(C) Chi Wen bersama Sk Patau-Patau muncul sebagai naib johan dalam Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik KPM-MILO Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2. Kedua-dua sekolah ini bergabung tenaga mewakili kontinjen Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya

membawa pulang hadiah
berupa barang sukan bernilai RM4000.

Pasukan Muhibbah Labuan dianggotai oleh Ellicia Wong, Natalie Tee Yu Xuan, Elyssa Ho Yu Yan, Rachel Teo Xue Ting, Gretal Violet Henry dan Jesselyn Justin dari SJK(C) Chi Wen. Manakala, Chealsielyn Christopher, Gwen Stefani Anak Bujang, Nur Nadiha Asyura binti Maslin, Nur Rizwaney Juli binti Rizuan, Syahirah binti Matasin dan Dayangku Norrabbiatul Waheeda Bt A faizul merupakan murid SK Patau-Patau.



Pasukan JPN Labuan dan SJK(C) Chi Wen Berentap di Grand Final Aerobik MILO Activ Jam.

Bagi kategori sekolah, daripada 249 penyertaan sekolah-sekolah di seluruh negara, 3 buah sekolah iaitu SJK(C) Chi Wen, SK Bukit Kalam dan SK Patau-Patau telah terpilih sebagai 10 pasukan terbaik yang mewakili Wilayah Persekutuan Labuan pada peringkat separuh akhir di Kuala Lumpur. SJK (C) Chi Wen telah tercalon sebagai 5 pasukan terbaik dan berentap di *Grand Final Aerobik MILO*.

Activ Jam pada 22 September 2019.

Johan bagi kategori Muhibbah disandang oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, diikuti Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu di tempat ketiga. Sementara itu, Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(2) telah dinobatkan sebagai juara dalam kategori sekolah, diikuti tempat kedua daripada Sekolah Kebangsaan Kg Contoh Petagas, Sabah dan ketiga daripada Sekolah Kebangsaan Jasin, Melaka. Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga membawa pulang hadiah dalam bentuk peralatan sukan yang masing-masing bernilai RM5,000, RM4,000 dan RM3,000.

Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan MILO® dan Susu, Nestlé (Malaysia) Berhad, Kumaran Nowuram berkata, senam aerobik melambangkan semangat kesukunan yang sejati, kerana ia boleh dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja, tanpa mengira umur, kemampuan bersukan atau akses kepada sumber.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Raisin Saidin turut menzahirkan ucapan tahniah dan bangga atas kejayaan pasukan Muhibbah kerana mengharumkan nama Labuan di Peringkat Kebangsaan.— **SJK(C) Chi Wen**



Kontijen Labuan yang Terdiri daripada Pasukan JPN Labuan, SJK(C) Chi Wen, SK Patau-Patau dan SK Bukit Kalam.

SMK Mutiara muncul johan Pertandingan Photoshoot Karnival Kadet JPJ Labuan



SMK Mutiara muncul johan dalam pertandingan photoshoot sempena Karnival Kadet JPJ peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diadakan pada 24 Ogos 2019 (sabtu) di Muzium Chimney W.P Labuan.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) W.P Labuan memerlukan setiap sekolah wajib menghantar 2 keping gambar samada secara selfie, wefie, foto berkumpulan (peserta ada di dalam foto) untuk menyertai pertandingan ini. Gambar photoshoot tersebut telah dimuatnaik dalam laman JPJ W.P Labuan. Pemenang dikira berdasarkan "LIKE" terbanyak. Tempoh pertandingan berlangsung hampir dalam tempoh satu bulan.

Keputusan pertandingan telah diumumkan pada 27 September 2019 dan SMK Mutiara telah dinobatkan sebagai juara LIKE terbanyak berjaya mengumpul sebanyak 717. Johan telah menerima hadiah berupa hamper, sijil dan frame gambar. Hadiah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan W.P Labuan, Tuan Mohammad Afdhal Bin Mohd Ruslan.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan sempena majlis

Perhimpunan Setia bulanan mereka bertempat di ibu pejabat JPJ W.P Labuan.

Menurut Puan Rohani Tali, guru penasihat pasukan kadet JPJ SMK Mutiara, perancangan dan persiapan photoshoot ini adalah hasil gabungan cetusan idea bersama 3 orang guru penasihat Kadet JPJ yang lain iaitu Cikgu Junaidah Binti Baharuddin dan Cikgu Nurazwati Binti Abdul Aziz, Pembantu Juruteknik sekolah iaitu En Mohd Fauzi Bin Atoh dan 8 orang Kadet JPJ SMK Mutiara yang terdiri dari tingkatan 1 hingga tingkatan 4.

Ketika mengulas kejayaan ini, pengetua SMK Mutiara mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pertandingan ini. Menjadi johan adalah terbaik tetapi yang lebih utama ialah murid-murid diberi ruang dan peluang dalam menyertai apa-apa pertandingan bagi menyerlahkan potensi sebenar mereka.

Ahli kadet yang terlibat dalam photoshoot tersebut diketuai oleh kadet Ahmad Dylan Elva Chrizandy (4 IBK), Muhammad Mifzal Bin Mohd Rafi (3 ALK), Abzan Shah Bin Abel (2 PTN), Mohamad Aswatu Zikrullah Bin Mohd Ayub, Dayang Noor Fatihah Binti Awang Jahri, Ratna Binti Ramli, Siti Febriyani Binti Yasin dan Hezrick Shah Putra Bin Ngadimin (1 ALG).

Berita Oleh : SMK Mutiara

#SAYANGIMALAYSIAKU
#MALAYSIABERSIH
#MALAYSIAKEBANGGAANKU
#JPJTERBAIK

MUZIUM CHIMNEY

SMK MUTIARA WP LABUAN